

Kebebasan ada hadnya

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri berkata kebebasan mutlak akhbar sebenarnya tidak wujud di mana-mana pun. Sebaliknya, media massa di semua negara, termasuk di Amerika Syarikat, dikongkong oleh pihak-pihak tertentu, seperti Yahudi.

Serentak itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, amatlah penting bagi akhbar, terutama akhbar-akhbar tempatan, dikuasai oleh orang yang bertanggungjawab kerana pengaruhnya kini semakin besar dan menyeluruh.

"Pengaruh adalah alat yang amat penting dalam demokrasi. Apa yang terjadi kepada sesuatu bangsa atau negara boleh ditentukan oleh pengaruh," kata Perdana Menteri di majlis penyampaian Hadiah Kewartawanan di sini malam ini.

Oleh MAHFAR ALI

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, 'bertanggungjawab' seharusnya bermaksud bertanggungjawab terhadap negara dan bukan mengutamakan kepentingan perniagaan semata-mata hingga memburukkan keadaan negara.

"Di sinilah duduknya kebijaksanaan seseorang yang berkuasa ke atas akhbar. Mungkin pendedahan perlu dibuat mengenai penyelewengan kerajaan, tetapi kebenaran perkara yang hendak didedahkan perlu ditentukan dahulu, terutama jika pendedahan itu boleh memburukkan keadaan dalam negeri," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar beberapa akhbar di negara ini, terutama pihak yang tidak senang dengan kerajaan, lebih gemar mengancam kerajaan.

Malah, tambahnya, masih ada rakyat negara ini yang mempunyai perasaan rendah diri dan percaya bahawa orang putih semua betul dan bangsa sendiri perlu mendapat pengiktirafan mereka.

● TEKS PENUH UCAPAN DI MUKA 10

Sambil menganggap sikap itu sangat memalukan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Yang lebih penting bukanlah akhbar bebas atau tidak, tetapi apakah alat yang begini berkesan digunakan untuk kebaikan."

Perdana Menteri menegaskan, akhbar seharusnya berhati-hati sebelum menyertai sebarang usaha untuk menjatuhkan kerajaan kerana sejarah membuktikan kerajaan revolusioner adalah lebih buruk dan kejam daripada kerajaan yang digulingkan.

Kritikan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, akhbar sepatutnya membuat kritikan membina, terutama selepas pilihanraya kerana kerajaan terpaksa menumpukan tenaga, fikiran dan wang untuk mengatasi masalah-masalah besar.

"Jika setiap usaha yang dibuat oleh kerajaan diganggu oleh kritikan yang tidak membina, atau sengaja disalahtafsirkan, maka kita tidak akan mencapai kejayaan. Akhirnya rakyat dan negara juga yang akan menerima kesan buruknya," ujar Perdana Menteri.

Mengenai kebebasan rakyat, Perdana Menteri berkata, kerajaan sebenarnya tidak mahu mengenakan pelbagai peraturan yang menyekat kebebasan rakyat kerana lebih banyak peraturan, lebih berat beban kerajaan.

Tetapi malangnya, kata beliau, ramai daripada mereka yang sepatutnya lurus dan bertanggungjawab, menyalahgunakan kuasa yang ada untuk kepentingan sendiri hinggakan orang lain turut menjadi mangsa.